

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RMT 554 - Pengurusan Projek III

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawan EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Masalah projek-projek terbengkalai merupakan suatu fenomena yang agak biasa berlaku di dalam Industri Binaan Malaysia, sehingga terlibatnya Bank Negara dengan penubuhan Tabung Projek-Projek Perumahan Terbengkalai pada tahun 1990.

Bincangkan ulasan di atas dengan tumpuan terhadap bagaimana penglibatan seseorang Pengurus Projek boleh mengurangkan atau menghapuskan sama sekali masalah tersebut; kaitkan jawapan anda dengan menunjukkan dengan jelas proses pembangunan hartanah serta peranan, kegiatan dan fungsi Pengurus Projek di dalamnya.

- (b) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kos-kos pembangunan projek-projek dari segi "Persamaan Pemaju" (Developer's Equation).

(25 markah)

2. (a) Proses rekabentuk merupakan suatu kegiatan yang perlu dan penting sebelum bermulanya pembinaan. Bincangkan bagaimana penglibatan seseorang Pengurus Projek boleh dapat memperlicin serta menggalakkan proses-proses kerja ditahap rekabentuk demi memastikan kehendak-kehendak klien dipenuhi. Sarankan melalui gambarajah, suatu carta aliran proses projek yang sesuai dengan Industri Binaan Malaysia.

- (b) Bincangkan dengan ringkas bagaimana seseorang Pengurus Projek boleh dapat mempertingkatkan prestasi dan produktiviti di tapak binaan.

(25 markah)

3. (a) Syarikat anda telah berkeputusan untuk memulakan pembinaan untuk suatu cadangan projek hotel 200 bilik (3-bintang) di Jalan Macalister berhampiran dengan Menara Komtar. Sebagai seorang Pengurus Projek, anda dikehendaki menyediakan suatu laporan komprehensif kepada Lembaga Pengarah Syarikat tentang pelbagai kaedah pemerolehan (procurement method) serta penyusunan kontraktual (contractual arrangements) yang paling sesuai untuk projek tersebut. Adalah dijangka iaitu pembinaan akan dikendalikan oleh kontraktor bebas dan perkhidmatan rekabentuk telah pun dilaksanakan.

(b) Bincangkan dengan ringkas kelebihan dan kelemahan-kelemahan penubuhan subsidiari pembinaan di dalam organisasi sesuatu Syarikat.

(25 markah)

4. (a) Kebanyakan rekabentuk bangunan pada masa sekarang telah pun dipertikaikan sebagai suatu "ego-trip" untuk para arkitek.

Bincangkan ulasan di atas dengan kaitan terhadap falsafah disebalik konsep Pengurusan Kos Strategi dan kaitkan juga bagaimana penglibatan Pengurus Projek boleh membawa kepada sinergi pasukan rekabentuk yang positif.

(b) Bincangkan dengan ringkas bagaimana penggunaan teknik-teknik Kejuruteraan Nilai boleh mempertingkatkan kualiti sesuatu projek.

(25 markah)

5. (a) Anda merupakan Pengurus Projek untuk suatu firma binaan yang telah diberikan suatu pakej "privatisation" untuk memaju dan membina 1500 unit perumahan kos-rendah dan kos sederhana di Sungai Ara, Pulau Pinang. Sediakan suatu laporan kepada Lembaga Pengarah Syarikat dengan memperincikan spektrum risiko terhadap kedua-dua tahap pembangunan dan pembinaan; bincangkan dengan mendalam peranan anda di dalam pengurusan risiko-risiko yang telah dikenalpasti.
- (b) Huraikan secara ringkas prinsip-prinsip program pengurusan risiko yang efektif seperti yang dicadangkan oleh Jacoby and Hammond, 1979.

(25 markah)

6. (a) Secara am, firma-firma pembinaan tidak mempunyai imej awam yang menggalakkan; firma-firma berjaya juga menjadi tumpuan perbincangan awam dan bahan kritikan media-media cetak seperti yang telah berlaku terhadap sebuah firma yang telah dikaitkan mempunyai "hubungan dengan Istana".

Bincangkan pernyataan di atas dan huraikan bagaimana sesuatu firma binaan boleh dipasarkan secara positif.

- (b) Bincangkan halangan-halangan di dalam komunikasi yang boleh menjejaskan pengurusan yang berkesan.

(25 markah)

-ooo00ooo-